

KAJIAN SIKAP DAN PERSEPSI TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA MANDARIN DALAM KALANGAN PELAJAR UiTM KELANTAN

Norlida Razali

*Akademi Pengajian Bahasa,
Universiti Teknologi Mara Cawangan Kelantan
norlida8093@kelantan.uitm.edu.my*

ABSTRACT

The objective of this study is to investigate UiTM Kelantan students' attitudes and perceptions towards learning Mandarin as a third language. A qualitative research design was utilized in this study. The data were collected using a set of questionnaire. A total of 36 students were involved in the qualitative study to give their personal experiences and opinions which were then deliberated through content analysis. This study was conducted based on the Socio-educational Model presented by Gardner. The study found that the respondents showed positive attitudes towards Mandarin language learning since they exercised both the positive integrative and instrumental orientations. However, both male and female students showed difficulties in mastering Chinese characters, tones and vocabularies. Nevertheless, their positive thinking and curiosity about learning new things encouraged them in learning Mandarin. They also believed that learning and mastering the Mandarin Language could benefit them in the future. In conclusion, students taking Mandarin language courses in UiTM Kelantan show positive attitudes towards learning Mandarin language and are motivated to learn Mandarin.

Keywords: Attitudes and perceptions, third language, UiTM students, Mandarin Language, Socio-educational model

ABSTRAK

Kajian ini mengenal pasti sikap dan persepsi terhadap pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga di kalangan pelajar yang mengambil kursus bahasa Mandarin di UiTM Kelantan. Seramai 36 orang pelajar terlibat dalam kajian kualitatif ini yang menggunakan instrumen borang soal selidik untuk menyatakan pengalaman dan pendapat peribadi mereka. Pengalaman dan pendapat mereka kemudian dibincangkan melalui analisis kandungan. Kajian ini dijalankan berdasarkan Model Sosiopendidikan pemerolehan bahasa kedua yang dikemukakan oleh Gardner. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya responden mempunyai sikap yang positif terhadap

pembelajaran bahasa Mandarin disebabkan mereka mempunyai kedua-dua orientasi integratif dan orientasi instrumental yang positif. Kedua-dua orientasi positif tersebut dilihat mempengaruhi sikap terhadap pembelajaran bahasa Mandarin. Tetapi, pelajar-pelajar dari kedua-dua jantina menunjukkan kesukaran dalam pembelajaran bahasa Mandarin terutamanya dari aspek tulisan Cina atau “hanzi”, sebutan nada atau intonasi dan suku kata. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar masih mempunyai sikap positif terhadap pembelajaran bahasa Mandarin disebabkan minat mereka terhadap bahasa Mandarin. Malah, pemikiran yang positif dan perasaan ingin tahu terhadap sesuatu perkara baru juga mendorong sikap positif mereka dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Mereka juga percaya dengan mempelajari dan menguasai bahasa Mandarin, ia dapat memberikan mereka manfaat dan kelebihan di masa hadapan. Sebagai kesimpulan, pelajar bahasa Mandarin di UiTM Kelantan bersikap positif terhadap bahasa Mandarin, dan seterusnya menunjukkan motivasi untuk mempelajari bahasa ini.

Kata kunci: sikap dan persepsi, bahasa ketiga, pelajar UiTM, bahasa Mandarin, Model Sosiopendidikan

PENDAHULUAN

Seiring dengan pembangunan ekonomi negara China dan peningkatan statusnya dalam arena antarabangsa pada masa kini, terdapat peningkatan permintaan dari serata dunia terhadap pembelajaran bahasa Cina atau bahasa Mandarin (Norlida Razali, 2015). Keadaan ini juga dapat dilihat pada permintaan tinggi terhadap pembelajaran bahasa Mandarin di Malaysia khususnya di institusi-institusi awam dan swasta. Keperluan untuk menguasai bahasa Mandarin ini juga dilihat semakin meningkat dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Ramai pelajar dari pelbagai institusi awam mahupun swasta juga tidak melepaskan peluang untuk mengambil subjek bahasa asing atau bahasa ketiga sama ada sebagai kursus wajib atau elektif. Menurut Hieda dan Maserah Shabudin (2012), “Sakuragi (2006) telah mengenal pasti faedah menguasai bahasa asing terbahagi kepada dua”. Faedah pertama ialah faedah ketara yang diperolehi apabila seseorang boleh bertutur dalam bahasa asing. Contohnya, seseorang itu dapat memahami sesebuah artikel atau bahan penulisan yang dibacanya tanpa memerlukan penterjemah. Manakala faedah yang kedua pula adalah dari sudut perkembangan idea pemikiran dan ilmu seseorang individu tersebut yang akan mempunyai pengalaman dan pertimbangan dari sudut budaya yang berlainan. Hal ini turut diutarakan oleh Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Datuk Dr Hassan Said dalam akhbar Berita Harian Online pada 14 Mac 2017 yang menyatakan bahawa penguasaan bahasa bukan saja membabitkan urusan harian tetapi juga dalam pelbagai bidang hingga ke peringkat antarabangsa. Oleh itu, dengan mempelajari bahasa Mandarin, seseorang individu tersebut bukan sahaja dapat memperkembangkan idea pemikiran mereka, malah dapat meningkatkan keyakinan dan status mereka dalam kalangan masyarakat setempat malah juga dapat meningkatkan status mereka dalam kalangan masyarakat antarabangsa.

Kelebihan bertutur dalam bahasa Mandarin dilihat bukan sahaja memberi kelebihan dalam kehidupan harian malah dapat membantu dalam bidang-bidang lain seperti bidang perniagaan kerana ia dapat meningkatkan daya saing seseorang di pasaran dalam negara dan antarabangsa. Seperti yang dapat kita lihat pada negara China kini yang mana bilangan penduduknya melebihi 1.3 bilion dan merupakan antara pasaran yang utama dalam ekonomi dunia termasuklah di rantau Asia. Dengan penduduk yang ramai dan migrasi rakyatnya ke serata pelosok dunia turut membawa kepada perkembangan pesat bahasa Cina. Bahasa Cina atau bahasa Mandarin lebih dikenali sebagai 普通话“Putonghua” di negara China merupakan bahasa rasmi penduduknya. Bahasa Mandarin dikategorikan dalam keluarga bahasa Sino-Tibetan yang merupakan keluarga bahasa kedua terbesar dari segi bilangan penuturnya setelah keluarga bahasa Indo European. Bahasa Cina juga ialah bahasa yang mempunyai bilangan penutur paling ramai di dunia, iaitu 14% daripada populasi di dunia yang bertutur dalam bahasa tersebut, dan 92% daripada penutur bahasa Cina berasal dari negara China (Teh, 2015).

Bahasa Mandarin merupakan bahasa pertuturan yang lazim dalam masyarakat di Malaysia kerana kaum Cina merupakan penduduk kedua terbesar di negara ini (Azman Che Mat & Goh, 2010). Situasi ini dapat dilihat dalam setiap aspek kehidupan seharian, seperti di pusat membeli-belah, di pusat-pusat pengajian, malah di rancangan-rancangan televisyen. Keadaan ini menunjukkan betapa meluasnya pengaruh bahasa Cina di Malaysia. Selain Malaysia, negara-negara yang banyak menggunakan bahasa Cina atau Mandarin secara meluas adalah seperti Taiwan, Hong Kong dan Singapura. Perkembangan pesat bahasa Mandarin kini boleh diandaikan seperti perkembangan pesat bahasa Inggeris pada awal abad ke-19 yang disebabkan oleh penjajahan manakala sebab utama perkembangan bahasa Mandarin kini ialah nilai ekonominya (Teh, 2015). Perkembangan bahasa Mandarin juga sebenarnya tidak hanya terhad di rantau Asia, malah ia turut berkembang di negara-negara lain seperti di Amerika Syarikat dan United Kingdom hasil dari migrasi penduduk dari negara China. Oleh itu, negara-negara ini juga telah membentuk semula kurikulum masing-masing dengan memasukkan subjek bahasa Mandarin sebagai bahasa asing dalam kurikulum mereka (Teh, 2015). Kepopularan bahasa Mandarin ini juga dilihat semakin meningkat dari hari ke hari berikutan permintaan yang tinggi daripada masyarakat di Malaysia Hal ini turut membuktikan dan menggambarkan betapa pentingnya kedudukan dan pengaruh bahasa Mandarin pada hari ini.

Kini, IPTA di Malaysia menawarkan pelbagai bahasa Asia dan bahasa Eropah sebagai bahasa ketiga untuk pelajar bukan penutur natif. Bahasa Mandarin merupakan salah satu bahasa ketiga yang ditawarkan di IPTA untuk pelajar bukan penutur natif sama ada sebagai subjek elektif ataupun subjek wajib di universiti. Namun, kebanyakan universiti di Malaysia menawarkan bahasa Mandarin sebagai salah satu subjek elektif. Manakala kebanyakan pelajar universiti pula mempelajari bahasa Cina sebagai bahasa kedua dengan tujuan utama untuk memenuhi jam kredit dan mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan (Lau, 2012). Di UiTM Kelantan, bahasa Mandarin merupakan salah satu daripada bahasa asing atau juga disebut sebagai bahasa ketiga yang ditawarkan oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Kelantan Kampus Machang dan juga Kota Bharu. Disamping bahasa Mandarin, bahasa asing lain yang turut ditawarkan adalah bahasa Arab.

OBJEKTIF DAN LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti sikap pelajar yang mengikuti kursus bahasa Mandarin di UiTM Kelantan terhadap bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga. Di UiTM Kelantan, pelajar boleh memilih untuk mengambil kursus bahasa Mandarin atau pun kursus bahasa Arab sebagai salah satu subjek elektif. Oleh itu, responden yang terlibat dalam kajian ini boleh diandaikan secara umumnya mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa Mandarin kerana mereka telah memilih sendiri untuk mengambil kursus bahasa Mandarin. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kualitatif dan berfokus kepada pendapat dan pengalaman responden secara individu.

Seperti dalam kajian yang dijalankan oleh (Hieda & Maserah Shabudin, 2012) terdapat banyak kajian lain berkenaan sikap terhadap bahasa asing seperti kajian sikap terhadap bahasa Jepun, bahasa Arab dan lain-lain bahasa asing. Namun kajian berkenaan sikap terhadap bahasa Mandarin masih kurang dilakukan berbanding kajian sikap terhadap bahasa-bahasa asing yang lain. Kebanyakan kajian juga lebih tertumpu pada motivasi atau pencapaian bahasa dan hanya membicarakan sikap sebagai sebahagian daripada dapatan kajian mereka. Kajian yang menumpukan sikap juga lebih cenderung membincangkan jenis orientasi yang lebih positif, samaada orientasi integratif atau orientasi instrumental tanpa penjelasan faktor yang membentuk orientasi tersebut dengan mendalam (Mao & Fukuda, 2010; Muhammad Alif Redzuan, 2005; Siti Saniah Abu Bakar & Subramaniam, 2012; Azlina Mohd Sera'ai & Rozita Che Omar, 2013).

Kebanyakan kajian berkaitan sikap juga banyak dijalankan secara kuantitatif. Antaranya ialah kajian mengenai sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab di IPTA (Azman Che Mat, 2013). Kajian tersebut, melihat kepada aspek-aspek yang menyebabkan pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa asing ketiga oleh pelajar. Selain itu, permasalahan motivasi dan sikap pelajar terhadap bahasa Arab turut dibincangkan dalam menangani isu ini. Sementara itu, bagi kajian secara kualitatif pula, kajian oleh Hieda dan Maserah Shabudin, (2012) berkenaan sikap dan persepsi terhadap pembelajaran bahasa Jepun dalam kalangan mahasiswa UKM amat berkesan dalam mendalami dan mengenalpasti kecenderungan dan sikap pelajar terhadap bahasa Jepun. Butiran-butiran berkenaan sikap dan persepsi pelajar terhadap bahasa Jepun juga telah dihuraikan secara terperinci melalui kaedah ini. Oleh yang demikian, seperti juga kajian terhadap bahasa-bahasa asing yang lain, kajian secara kualitatif juga perlu dijalankan supaya dapat menghuraikan sikap terhadap bahasa Mandarin dengan lebih jelas dan lengkap. Dalam kajian ini, setiap aspek yang membawa kepada minat terhadap pembelajaran bahasa Mandarin dapat dibincangkan dengan lebih terperinci melalui sikap dan persepsi responden terhadap bahasa ketiga ini. Seperti yang dinyatakan oleh Neustupny dan Miyazato (2002), dalam (Hieda & Maserah Shabudin, 2012) setiap metodologi mempunyai kelebihan atau kekurangan masing-masing, oleh yang demikian, kajian kualitatif ini boleh melengkapkan kekurangan metodologi kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif.

Kajian ini diubahsuai berdasarkan model kerangka kajian (Hieda & Maserah Shabudin, 2012) dalam menegenal pasti sikap dan persepsi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Jepun yang mana bersandarkan kepada model Sosiopendidikan Gardner (2001). Gardner telah membahagikan sikap bahasa kepada dua, iaitu orientasi integratif dan orientasi instrumental.

Beliau mendefinisikan orientasi sebagai ‘tujuan bagi mempelajari bahasa kedua’ (Azlina Mohd Sera’ai & Rozita Che Omar, 2013). Menurut Gardner dan Lambert (1972: 14), orientasi integratif merujuk kepada penyebab individu mempelajari bahasa kedua bagi tujuan berinteraksi, mendekati atau memahami komuniti bahasa kedua, manakala orientasi instrumental berkait dengan keinginan individu untuk mendapatkan pengiktirafan sosial atau manfaat ekonomi melalui pengetahuan bahasa asing (Hieda & Maserah Shabudin, 2012). Di sini, orientasi integratif dilihat berkait rapat dengan minat yang akan membentuk hubungan individu dengan penutur bahasa sasaran, manakala orientasi instrumental berhubung dengan keuntungan yang praktikal. Mereka juga mendapati bahawa sikap bahasa, sama ada positif atau negatif, mempengaruhi motivasi mahupun pencapaian bahasa yang berkenaan. Walau bagaimanapun kajian ini tidak menumpukan hubungan antara orientasi instrumental dan orientasi integratif dengan pencapaian bahasa sebaliknya memfokuskan kepada sikap dan persepsi pelajar terhadap bahasa yang dikaji iaitu bahasa Mandarin.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan instrumen borang soal selidik yang diubahsuai berdasarkan kerangka kajian soal selidik (Hieda & Maserah Shabudin, 2012) berkenaan Sikap dan persepsi terhadap pembelajaran bahasa Jepun di kalangan mahasiswa UKM. Borang soal selidik ini secara keseluruhan terdiri daripada dua muka surat, termasuk muka surat hadapan. Borang soal selidik yang disediakan terdiri daripada soalan-soalan yang berbentuk terbuka supaya responden dapat memberikan pendapat peribadi dan menceritakan pengalaman mereka secara lebih bebas. Set soalan ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A adalah berkaitan butiran umum responden seperti jantina, bangsa, bahasa ibunda, tahun pengajian dan fakulti. Bahagian B pula merupakan soalan berkaitan pendapat dan pengalaman secara individu responden tentang pembelajaran bahasa Mandarin. Ruangan yang perlu diisi oleh reponden bagi setiap soalan dalam Bahagian B disediakan sebanyak enam baris supaya responden dapat menghuraikan jawapan dengan panjang lebar dan terperinci. Set soalan bagi Bahagian B terdiri daripada lapan item berikut:

1. Sejak bila anda mempunyai minat terhadap bahasa Mandarin? Apakah pengaruh yang menyebabkan minat anda terhadap bahasa Mandarin?
2. Bagaimana anda mendapatkan informasi dan maklumat mengenai budaya dan masyarakat Cina?
3. Apakah sebab utama yang menyebabkan anda mengambil kursus bahasa Mandarin di UiTM?
4. Apakah elemen yang menyebabkan anda berasa gembira atau seronok belajar bahasa Mandarin?
5. Apakah elemen yang menyebabkan anda berasa susah atau sukar mempelajari bahasa Mandarin?
6. Selain dari kerja rumah atau latihan yang diberi oleh pensyarah bahasa Mandarin di UiTM, apakah yang anda lakukan bagi meningkatkan lagi kemahiran bahasa Mandarin?
7. Sekiranya anda mempunyai kawan berbangsa Cina, bagaimana anda boleh berkenalan dengannya?

8. Selepas menamatkan pembelajaran di UiTM, adakah anda ingin menyambung pelajaran bahasa Mandarin? Nyatakan mengapa.

Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar diploma yang mengambil kursus Bahasa Mandarin Pertengahan (TMC151 Mandarin Level II) pada semester 2 sesi akademik Mac-Julai 2018. Mereka adalah pelajar daripada fakulti Pengajian Perniagaan yang telah mempelajari bahasa Mandarin sebagai salah satu subjek elektif selama 80 jam pada semester pertama sebelumnya di UiTM Kelantan.

Soal selidik yang dijalankan dalam kajian ini ialah soal selidik secara berkumpulan, iaitu soal selidik yang dilakukan semasa responden berada dalam satu kumpulan. Untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih efektif, sesi menjawab borang soal selidik ini dijalankan pada 25 minit pertama waktu pembelajaran dalam kelas. Apabila responden selesai menjawab semua soalan, borang jawapan dikembalikan semula kepada pensyarah dengan kadar pemulangan sebanyak 100%. Kaedah mendapatkan data ini dilihat lebih berkesan kerana responden yang terlibat berada di dalam kelas yang sama dan sebarang masalah atau penjelasan lanjut dapat terus diberikan oleh pensyarah sekiranya responden tidak memahami soalan yang dinyatakan. Selain itu, pensyarah juga dapat memastikan setiap soalan dijawab oleh responden dan huraian jawapan diberikan secara terperinci.

Seminggu sebelum kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis telah dijalankan bagi memperbaiki dan mengenalpasti sebarang kekurangan yang dikemukakan dalam borang soal selidik yang disediakan kepada responden. Seramai enam orang pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Mandarin Pertengahan II (TMC151 Mandarin Level II) telah dipilih secara rawak sebagai responden. Mereka diminta mengisi jawapan dalam ruangan yang disediakan dalam borang soal selidik sewaktu kelas bahasa Mandarin. Apabila borang soal selidik diedarkan, responden memberikan tumpuan untuk menjawab soalan pada bahagian B yang memerlukan responden menghuraikan jawapan secara lebih terperinci dan memberikan contoh-contoh yang bersesuaian, oleh itu masa yang digunakan adalah lebih panjang berbanding set soalan pada bahagian A yang hanya memerlukan responden memberikan maklumat asas berkaitan diri mereka. Sepanjang proses menjawab borang soal selidik dijalankan, tiada masalah yang besar berlaku dan semua item soalan yang disediakan dapat dibaca dengan jelas dan difahami oleh responden. Seterusnya, data daripada responden yang menjalankan kajian rintis ini juga digunakan bagi menggabungkan keseluruhan data disebabkan bilangan responden yang agak terhad untuk digunakan dalam kajian ini untuk analisis kandungan.

Kaedah analisis kandungan yang dijalankan kemudian diberikan kod berdasarkan pemboleh ubah yang diguna pakai dalam Model Sosiopendidikan Gardner. Sebagai contoh, penghuraian tentang minat terhadap drama mandarin dikategorikan sebagai penghuraian yang menunjukkan orientasi integratif, manakala penghuraian minat terhadap peluang mendapatkan pekerjaan dikategorikan sebagai penghuraian yang menunjukkan orientasi instrumental. Huraian-huraian tersebut seterusnya diberikan kod dan disusun dengan teratur untuk memastikan serta mengukuhkan model yang telah dipilih.

HASIL KAJIAN

Bahagian ini meneliti data kualitatif yang dihuraikan oleh responden berkenaan sikap terhadap bahasa Mandarin. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 36 orang pelajar yang merupakan pelajar daripada Fakulti Pengajian Perniagaan dan berbangsa Melayu. Pelajar perempuan seramai 24 orang merupakan golongan terbesar yang mengikuti kursus ini sama seperti yang berlaku pada setiap semester di UiTM Kelantan. Bagi pelajar lelaki pula, bilangan mereka hanyalah seramai 12 orang. Hal ini disebabkan populasi pelajar lelaki yang sememangnya lebih kecil di IPTA berbanding pelajar perempuan.

Dari segi minat, kebanyakan responden menyatakan bahawa minat mereka terhadap bahasa Mandarin timbul sama ada semenjak dari kecil lagi, semasa di sekolah menengah atau semenjak memasuki UiTM. Terdapat penghuraian seperti “saya mempunyai minat terhadap bahasa Mandarin sejak saya tingkatan tiga di sekolah menengah...”, “...ketika saya berusia enam tahun”, “...sejak berada di sekolah rendah...kerana saya bersekolah di sekolah kebangsaan yang mempunyai pelajar Cina yang ramai” dan “saya mula meminati bahasa Mandarin apabila saya belajar di UiTM...pengajian saya di UiTM perlu memilih antara bahasa Arab dan bahasa Mandarin...saya berpendapat bahawa bahasa Mandarin lebih menarik berbanding bahasa Arab kerana saya tidak pernah terdedah dengan bahasa Mandarin semasa di sekolah dahulu”. Oleh itu, berdasarkan huraian-huraian di atas, sekolah merupakan medium yang memainkan peranan penting dalam mencetuskan minat dalam kalangan pelajar. Pada hari ini juga semakin banyak sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan di Malaysia menawarkan kursus bahasa Mandarin. Oleh itu pada masa yang akan datang, dijangka lebih ramai pelajar dari sekolah rendah dan menengah berpeluang mempelajari bahasa Mandarin sebelum memasuki peringkat universiti.

Selain itu, minat para pelajar terhadap bahasa Mandarin juga dilihat banyak dipengaruhi oleh budaya popular masyarakat Cina seperti drama dan lagu yang didedahkan kepada mereka semenjak kecil lagi. Hampir keseluruhan responden bersetuju bahawa mereka memang suka menonton filem dan drama Cina di televisyen. Contoh huraian adalah “...satu keluarga suka menonton cerita Cina terutama cerita Jackie Chan”, “saya terpengaruh melalui drama Mandarin yang berjudul *Love Cheque Charge*”, dan “saya suka menonton filem Mandarin dari produksi *Shaw Brother* seperti filem *Warrior from the West*, *Boxer Shaolin* dan banyak lagi”. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Yamato et al. (2010) dalam (Hieda & Maserah, 2012) yang menyatakan bahawa pelajar UPM yang mengambil kursus bahasa Jepun merupakan pelajar yang aktif menggunakan produk budaya popular dan berusaha menerapkan apa yang ditonton, didengar dan dibaca di dalam pembelajaran bahasa Jepun. Sementara dalam kajian ini, dapat dilihat sehingga ke hari ini, kepopularan Jackie Chan dalam filem-filem Cina telah menular ke serata dunia. Watak-wataknya dalam filem yang dilakonan telah menjadikan beliau sebagai ikon budaya yang berjaya mendekatkan masyarakat dunia dengan budaya, gaya hidup dan cara berfikir masyarakat dan negara China itu sendiri. Hal ini selari dengan huraian responden yang mengatakan “sejak saya menonton filem yang dilakonan oleh Jackie Chan, saya berasa berminat untuk mempelajari bahasa Mandarin kerana bunyinya yang menarik perhatian saya” dan “...saya meminati artis yang berasal dari China, oleh itu saya ingin mengetahui apa yang mereka nyanyikan dan lakonan”.

Faktor minat terhadap budaya popular Cina tersebut berkait rapat dengan orientasi integratif. Hal ini turut menunjukkan bahawa budaya sememangnya memainkan peranan penting dalam minat yang mempengaruhi pelajar mendalami sesuatu bahasa tersebut. Selain minat terhadap budaya popular yang diberikan oleh responden, terdapat juga banyak penghuraian berkenaan orientasi integratif seperti "... ingin melancong ke China", "... dapat berbual dengan orang Cina", dan "... berminat untuk mengetahui tradisi orang Cina". Oleh itu, penggabungan elemen-elemen yang boleh berhubung dengan budaya dan masyarakat Cina ini telah membentuk orientasi integratif yang positif bagi responden.

Dari sudut persepsi terhadap orang Cina pula, terdapat beberapa penghuraian yang menunjukkan sikap positif responden. Misalnya huraian "saya berasa seronok apabila mendengar kawan mama saya bercakap bahasa Mandarin", "di sekolah, guru kelas saya seorang berbangsa Cina, saya suka mendengar beliau bercakap bahasa Mandarin dan kadangkala beliau mengajar kami bahasa Mandarin", "... saya juga berminat kerana bangsa Cina pandai berniaga, jadi saya ingin mendalami cara hidup mereka", "...saya suka melihat budaya mereka kerana mereka sangat berbudi mulia dan menghormati orang, saya harap dapat melancong ke negara China untuk melihat lebih mendalam tentang budaya dan masyarakat Cina".

Dapatan tersebut menunjukkan bahawa responden secara langsung menunjukkan keintegritifan yang tinggi terhadap masyarakat Cina dan kelebihan mereka dalam bidang perniagaan yang disifatkan sebagai masyarakat yang "pandai berniaga" dan "rajin" yang disetujui oleh responden. Malah terdapat juga responden yang mengagumi ikon perniagaan masa kini seperti huraian "Saya dipengaruhi oleh Jack Ma iaitu founder Alibaba yang berbangsa Cina...kerana pandai berniaga". Persepsi-persepsi yang baik terhadap masyarakat serta negara China ini menggambarkan pemikiran, nilai serta identiti responden sebagai generasi muda rakyat Malaysia. Kenyataan responden juga menunjukkan bahawa mereka cenderung untuk memandangi tinggi dan mengagumi budaya dan masyarakat Cina. Hal ini dikuatkan lagi dengan pembangunan dan peningkatan ekonomi negara China kini yang menjadikan mereka antara negara yang disegani masyarakat dunia.

Seterusnya, responden yang terlibat juga menyatakan bahawa persepsi positif terhadap orang Cina serta negara China adalah terdorong melalui perkara-perkara yang dilihat dan didengari mereka terutamanya melalui media massa. Media masa sememangnya memainkan peranan penting dalam aspek ini dalam mendedahkan responden dengan hal-hal yang berkaitan masyarakat ataupun negara China. Sebagai contoh, ramai responden yang menyatakan bahawa mereka banyak menerima maklumat tentang China melalui televisyen, radio, surat khabar, majalah, internet dan media elektronik yang lain termasuklah dari *Facebook*, *Whatsapp*, *Youtube* mahupun pembacaan artikel dan blog-blog daripada laman web yang lain. Bagi pelajar-pelajar yang telah mempunyai asas bahasa Cina yang mencukupi, ia sedikit sebanyak dapat memberi kelebihan kepada mereka semasa mencari maklumat berkaitan negara China dan masyarakat Cina, khususnya maklumat yang dihasilkan dalam bahasa Cina. Terdapat juga responden yang menyatakan bahawa pengajaran di sekolah turut menjadi salah satu sumber maklumat yang penting berkenaan negara China dan masyarakat Cina. Misalnya seperti huraian "... saya juga pernah belajar dengan guru mandarin di sekolah dan kelas tuisyen dan mereka berkongsi tentang budaya masyarakat Cina".

Selain itu, penghuraian berkenaan persepsi terhadap ciri-ciri bahasa Mandarin turut diberikan perhatian. Dari sudut perasaan atau emosi, responden menonjolkan bahawa mereka suka mendengar percakapan orang Cina. Misalnya seperti huraian “cara sebutan bahasa Mandarin sangat menarik dan seronok semasa bertutur” dan “saya berasa gembira apabila dapat berinteraksi dengan rakan sekelas walaupun bunyinya kedengaran lucu...saya juga seronok kerana setiap kelas saya dapat mempelajari perkataan baharu”. Walaupun begitu, ramai responden turut menunjukkan kesukaran dalam mempelajari bahasa Mandarin dari segi linguistik, iaitu tulisan, sebutan, kosa kata dan tatabahasa. Dapatan ini selari dengan kajian Goh & Ng (2004) yang menyatakan bahawa pelajar-pelajar bersetuju bahawa pembelajaran bahasa Mandarin agak sukar bagi mereka. Kesukaran yang paling ketara adalah dalam aspek tulisan ataupun karakter Cina yang sememangnya amat mencabar bagi pelajar-pelajar yang pertama kali mempelajarinya berbanding dengan tulisan bahasa Arab yang mana pelajar-pelajar terutamanya pelajar Melayu telah pun didedahkan dengan tulisan atau pun huruf jawi semenjak dari kecil lagi. Antara huraian yang menunjukkan kesukaran mempelajari bahasa Mandarin ialah, “penggunaan intonasi dan ejaan pinyin agak sukar untuk saya hafal, saya juga keliru dengan perkataan yang mempunyai lebih dari satu maksud”, “saya kurang faham untuk membaca dalam tulisan Mandarin”, “Saya perlu mengambil masa yang lama untuk menghafal perkataan”, “karakter Cina dan juga susunan ayat, baris pada perkataan juga keliru”, “cara menulis *hanzinya* agak susah dan sebutannya”, “agak sukar kerana setiap suku katanya mempunyai *tone* yang berbeza”, “cara intonasinya agak rumit dan tulisannya agak susah dihafal” dan “*stroke* bahasa Mandarin yang susah ditulis” .

Namun begitu, walaupun responden merasakan bahawa bahasa Mandarin susah untuk dikuasai, mereka masih menunjukkan semangat dan kesungguhan untuk belajar seperti huraian “karakter Cina walaupun susah tetapi seronok, dan apabila saya bertutur dalam bahasa Mandarin, ia membawa kepada keseronokan dalam kekreatifan berbahasa”, “ia agak mencabar untuk belajar bercakap mengikut *tone* orang Cina tetapi ia sangat menyeronokkan”, dan “...walaupun ia agak sukar, tetapi perasaan selepas dapat mengingatinya walaupun satu perkataan itu memuaskan”. Berkaitan dengan sistem tulisan Cina pula, para pelajar mengatakan bahawa “karakter Cina atau *hanzi* yang baru belajar buat saya susah untuk mengingatinya”. Namun begitu, kesukaran dalam mempelajari bahasa Mandarin ini tidak sesekali menghalang para pelajar untuk mempelajari bahasa ini dan seterusnya melanjutkan pengajian bahasa Mandarin ke peringkat yang lebih tinggi. Keadaan ini terbukti kerana rata-rata responden mengatakan bahawa mereka masih ingin meneruskan pelajaran bahasa Mandarin walaupun setelah tamat pengajian di UiTM. Malah terdapat responden yang berasa sedih kerana pengajian bahasa Mandarin di peringkat diploma hanya sehingga *level* atau tahap dua sahaja kerana mereka berpendapat ianya masih belum mencukupi untuk membuatkan mereka mahir dalam menggunakan bahasa Mandarin. Malah, mereka juga masih berhasrat untuk mengikuti pengajian bahasa Mandarin di tahap yang seterusnya jika ada.

Seterusnya, orientasi integratif yang positif juga menyebabkan ramai responden bersemangat untuk menyambung pembelajaran bahasa Mandarin pada masa hadapan. Hampir kesemua responden menyatakan bahawa mereka ingin menyambung pelajaran bahasa Mandarin. Antara huraiannya ialah “untuk berkomunikasi dengan masyarakat Cina di dalam dan luar Malaysia”, “saya mahu memahami makna perkataan yang mereka tuturkan”, “harap dapat menulis dan membaca menggunakan bahasa Mandarin” dan “...dapat menuturkannya dengan

lebih baik”. Terdapat beberapa orang responden yang menafikan penyambungan pembelajaran disebabkan seperti huraian berikut “tumpuan dan matlamat saya untuk menyambung pelajaran yang berkaitan perniagaan” dan “disebabkan kesuntukan masa”. Tiada responden yang menyatakan bahawa mereka ingin berhenti dari mempelajari bahasa Cina disebabkan kehilangan minat. Sementara terdapat seorang responden yang menyatakan “Saya tidak memikirkannya lagi, jika saya boleh mahir dengan hebat dalam UiTM ini, saya rasa saya ingin belajar bahasa lain pula. Jika masih perlu diperbaiki *maybe* saya akan sambung pada masa hadapan”. Dengan penghuraian-penghuraian tersebut, analisis ini menunjukkan bahawa kekangan dari segi masa atau waktulah yang menjadi penyebab kebimbangan responden dalam meneruskan proses pembelajaran bahasa Mandarin pada masa hadapan.

Selain itu, mereka yang mengambil bahasa Mandarin sebagai salah satu subjek elektif juga selalu menghadapi masalah kekangan masa seperti “...disebabkan masa yang suntuk, saya boleh mempelajarinya atau menguasai bahasa ini secara perlahan”, “disebabkan tiada teman nak mempraktikkan bahasa Mandarin dalam urusan harian” dan “kurang pendedahan terhadap bahasa Mandarin” menyebabkan responden menghadapi masalah untuk berkomunikasi dengan baik dalam bahasa Mandarin. Namun terdapat juga pelajar yang memberi respon “setakat ini tidak ada lagi yang sukar, namun mungkin berasa janggal kerana mempelajari bahasa baru”.

Hieda & Maserah Shabudin (2012) menyatakan bahawa menurut Gardner (2001), tiga elemen penting, iaitu usaha, hasrat dan perasaan, berkait rapat dengan motivasi pelajar yang boleh dikaitkan dengan pemboleh ubah motivasi dalam Model Sosiopendidikan. Sikap harus dibezakan dengan motivasi, walaupun sikap dan motivasi berkait rapat antara satu sama lain. Oleh itu, walaupun seseorang individu tersebut mempunyai sikap yang positif terhadap masyarakat Cina, namun dia tidak semestinya mempunyai motivasi untuk mempelajari bahasa Mandarin. Oleh yang demikian, pemboleh ubah Motivator dan Sikap Terhadap Situasi Pembelajaran adalah penting semasa menentukan tahap kekuatan motivasi para pelajar.

Huraian yang berikutnya adalah berkaitan sikap terhadap pembelajaran bahasa Mandarin dalam kalangan responden. Hasil kajian ini mendapati bahawa walaupun ramai responden berpendapat bahawa karakter Cina atau *hanzi* dan sebutan atau intonasi bahasa Mandarin agak susah untuk dipelajari, namun mereka yang bersikap positif menunjukkan usaha untuk menguasai bahasa Mandarin. Berbanding dengan sikap pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Arab, kebanyakan mereka mempunyai pengalaman belajar bahasa Arab sebelum menyambung pengajian di universiti yang menyebabkan mereka mempunyai kelebihan dan menganggap bahasa Arab itu mudah (Azman Che Mat, 2013). Contoh huraian ialah seperti “bahagian untuk saya menghafal maksud setiap perkataan dalam bahasa Mandarin, saya perlu mengambil masa yang lama untuk menghafal perkataan”, “saya harus buka buku berkali-kali untuk pastikan ayat saya dan baris itu betul”, “... menonton filem atau drama Mandarin dan cuba untuk memahami perkataan yang dikeluarkan tanpa membaca sarikata”, “..menggunakan beberapa aplikasi pembelajaran seperti Duolingo dan kamus Mandarin-Inggeris melalui telefon mudah alih”, “melayari media sosial seperti *Youtube* untuk melihat cara sebutan yang tepat dan ayat-ayat untuk berkomunikasi dalam bahasa Mandarin”, “...membuat kamus sendiri...tulis dan hafal beberapa perkataan atau tulisan karakter sekali seminggu” dan “... berbual-bual dengan kawan dalam bahasa Mandarin”. Sementara itu

mereka yang suka menonton drama Mandarin sebagai hiburan pula berasa gembira apabila menyatakan "...boleh memahami perbualan atau dialog yang dipaparkan menerusi drama atau filem".

Berkenaan orientasi instrumental pula, rata-rata responden berpendapat bahawa "penguasaan bahasa asing mempunyai kelebihan dalam persaingan dan kebaikan pada masa depan". Ramai responden berpendapat dengan mempelajari bahasa Mandarin peluang mendapat pekerjaan adalah lebih baik. Misalnya responden menyatakan bahawa "... bahasa Mandarin merupakan bahasa asing yang amat berguna untuk bekerja di masa hadapan", "saya ingin belajar bahasa Mandarin untuk menyenangkan lagi urusan perniagaan di masa hadapan", "...kebanyakan syarikat di luar dipelopori oleh orang Cina, jadi kebolehan berbahasa Mandarin akan menjadi faktor untuk mereka mengambil pekerja", "Sejujurnya saya ingin bekerja di syarikat milikan Cina untuk menimba ilmu dari mereka dan mempraktikkannya", "bahasa ini sesuai digunakan di Malaysia kerana ramai usahawan kaum Cina yang terlibat dalam sektor perniagaan dan saya boleh menggunakan bahasa ini untuk berkomunikasi dengan mereka", "saya ingin menambahkan *skill* berkomunikasi agar lebih baik memandangkan dunia perniagaan masa kini banyak dimonopoli oleh kaum Cina" dan "meningkatkan kebolehpasaran saya dalam bidang pekerjaan". Selain itu, penguasaan dalam bahasa Mandarin juga dianggap dapat meningkatkan status dan hubungan sosial responden, misalnya "...saya juga cuba mengajar rakan sebilik saya kerana mereka juga teringin belajar bahasa Mandarin", "...saya dapat berbual dengan rakan dan jiran yang berbangsa Cina", "saya juga dapat bertutur dalam bahasa Mandarin dengan orang Cina di Malaysia" dan "bahasa Mandarin merupakan satu bahasa asing yang popular di Malaysia kerana terdapat ramai kaum Cina".

Analisis terhadap pelajar juga menunjukkan wujudnya kedua-dua orientasi integratif dan instrumental yang positif. Mereka menyatakan bahawa "... ingin mempelajari pelbagai bahasa walaupun sedikit", "menambah kemampuan saya untuk bercakap dalam bahasa lain", "...menguasai bahasa ketiga untuk kegunaan masa hadapan", "...memudahkan saya untuk berkomunikasi dengan orang Cina jika saya berada di luar negara atau ketika menceburi bidang perniagaan nanti", "saya dapat menambah satu lagi *skill* berbahasa dengan berbahasa Mandarin" dan "bahasa Mandarin akan menjadi satu merit kepada saya setelah bekerja nanti apabila perlu berurusan dengan orang Cina menggunakan bahasa Mandarin". Menerusi elemen web seperti Facebook pada hari ini, terdapat juga ramai pelajar Melayu yang telah berjaya menjalin persahabatan dengan rakan-rakan dari kalangan kaum Cina dari dalam dan luar negara, sama ada mereka merupakan kawan sekelas sebelumnya atau pun hanya sebagai rakan dalam media sosial. Misalnya melalui *facebook* mereka dapat bertukar pendapat dan mengetahui informasi-informasi terkini berkenaan bahasa Mandarin mahupun perkara berkaitan sejarah dan kebudayaan Cina.

Selain daripada faktor-faktor yang dinyatakan, terdapat juga pernyataan berkenaan pemboleh ubah Motivator. Motivator merujuk kepada tenaga pengajar, rakan-rakan sekelas atau aktiviti-aktiviti kelas. Misalnya "saya mempunyai kawan yang mana ayahnya seorang *Chinese* dan keluarga ayahnya *Chinese*, bagi saya melihat dia belajar bahasa Mandarin kelihatan mudah dan senang untuk dipelajari", "dengan adanya pensyarah yang *sporting* serta ajarannya yang senang dan mudah difahami..", "*laoshi* yang baik dan peramah", "...ketika berusia enam tahun...saya dikelilingi oleh kanak-kanak Melayu yang fasih berbahasa

Mandarin tetapi saya tidak memahaminya”, “terpengaruh dengan rakan-rakan yang bercakap dalam bahasa Mandarin”, “...saya pernah berkerja di KK Supermarket dan Klinik K.J Lim...kedua-dua majikan saya merupakan orang Cina, saya mula tertarik untuk belajar bagi memahami dan berinteraksi dengan orang Cina”, “...memiliki kawan/jiran berbangsa Cina”, “tenaga pengajar yang mengajar dengan baik”, “kaedah pembelajaran yang seronok” dan “pensyarah yang sangat mudah didekati untuk bertanya soalan dan suasana yang sangat ceria” dan “rakan-rakan yang bersemangat untuk mempelajari bahasa Mandarin”.

Terdapat juga empat responden yang menyatakan ada pengaruh daripada ahli keluarga. Antaranya ialah “arwah nenek saya merupakan orang Cina...arwah nenek banyak mendedahkan kami kepada budaya dan masyarakat Cina”, “saya mempunyai minat terhadap bahasa Mandarin kerana saya mempunyai keturunan Cina di sebelah bapa”, “saya lihat adik-adik saya berpeluang untuk bersekolah Cina..” dan “keluarga saya memberi pendapat untuk ambil bahasa Mandarin kerana mendapatkan peluang pekerjaan sangat luas”.

Secara keseluruhan, responden mempunyai orientasi integratif yang positif serta orientasi instrumental yang positif. Kedua-dua orientasi positif tersebut seterusnya dilihat telah menghasilkan sikap yang positif terhadap pembelajaran bahasa Mandarin. Melalui kajian ini, pelajar UiTM di Kelantan menunjukkan kedua-dua orientasi integratif dan instrumental yang positif kerana perasaan ingin tahu terhadap sesuatu perkara baru. Mereka juga percaya dengan menguasai bahasa Mandarin dapat memberikan mereka manfaat dan kelebihan di masa hadapan terutama dalam bidang pekerjaan yang akan diceburi. Sikap positif pelajar terhadap bahasa Mandarin inilah yang mencetuskan minat untuk mereka mengambil kursus bahasa Mandarin di UiTM seterusnya mendorong mereka menguasainya ke peringkat yang lebih tinggi.

Sebagai kesimpulannya, analisis data kualitatif yang dihuraikan dapat menonjolkan keadaan dan situasi sebenar pembelajaran bahasa Mandarin yang dialami dan dirasai sendiri oleh responden dengan lebih konkrit dan terperinci. Seterusnya, Model Sosiopendidikan yang dikemukakan oleh Gardner (2001) juga dapat disokong oleh kajian ini.

RUMUSAN

Dapatan kajian ini diharap dapat menjadi sumber rujukan kepada institusi atau pusat pengajian bahasa, terutamanya kepada pensyarah dan tenaga pengajar bahasa Mandarin. Keputusan kajian yang menunjukkan pelajar UiTM mempunyai sikap positif terhadap bahasa Mandarin haruslah dikekalkan dan diberi perhatian yang sewajarnya. Sikap positif ini juga perlu dipupuk dan dikembangkan lagi pada masa hadapan. Sementara itu pihak yang bertanggungjawab menawarkan kursus bahasa Mandarin ini juga perlu meningkatkan lagi kualiti dalam sukatan dan pembelajaran bahasa Mandarin agar seiring dengan peningkatan minat pelajar dalam pembelajaran bahasa Mandarin dengan keadaan-keadaan dan trend terkini pembelajaran bahasa.

Sikap yang positif dalam kalangan pelajar harus dikekalkan dan dipertingkatkan dengan melibatkan lebih banyak peluang untuk pelajar berinteraksi dan berhubung dengan

masyarakat Cina dan secara langsung turut mendedahkan pelajar dengan budaya Cina. Para pensyarah juga harus menonjolkan aspek-aspek nilai dan budaya masyarakat Cina selain daripada hanya tertumpu kepada aspek linguistik semata-mata semasa sesi pengajaran. Aktiviti kebudayaan yang dapat dijalankan merangkumi pelbagai aspek seperti pesta kebudayaan, hari dan bulan bahasa, program pertukaran pelajar, program keluarga angkat dan sebagainya. Selain itu pensyarah juga boleh menyelitkan elemen-elemen dan aktiviti yang santai semasa pengajaran dalam kelas seperti nyanyian lagu dan teka teki yang berunsurkan hiburan menggunakan bahasa Mandarin bagi menarik minat pelajar dan menceriaan lagi situasi dalam kelas. Aktiviti-aktiviti seperti ini bukan sahaja dapat mendekatkan pelajar dengan masyarakat Cina, malah dapat meningkatkan lagi minat para pelajar untuk mendalami bahasa dan budaya masyarakat Cina.

Pada masa yang sama, kaum Cina di Malaysia juga dilihat turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan minat dan keberkesanan dalam mempelajari bahasa Mandarin. Ramai antara responden mempunyai rakan-rakan dari kalangan kaum Cina selain masyarakat sekeliling seperti guru, jiran dan kenalan-kenalan lain yang berbangsa Cina. Mereka ini dilihat sangat membantu dari aspek komunikasi dan interaksi dengan menggunakan bahasa Mandarin. Di samping itu, mereka turut berperanan sebagai sumber rujukan yang merangkumi pelbagai aspek seperti tradisi dan budaya Cina seterusnya menjadi medium komunikasi yang penting kepada pelajar. Dalam konteks kajian ini, satu lagi aspek yang menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa Cina ialah kemahiran dalam bidang perniagaan yang dimiliki oleh kaum Cina. Pelajar yang menjadi responden dalam kajian ini terdiri daripada pelajar bidang pengajian perniagaan, oleh itu rata-rata mereka begitu berminat untuk mendekati masyarakat Cina yang banyak mempelopori bidang perniagaan di Malaysia. Ilmu-ilmu dan selok-belok berkaitan bidang perniagaan amat menarik minat mereka untuk berinteraksi dengan masyarakat Cina dan hal ini secara tidak langsung juga dapat meningkatkan penguasaan mereka dalam penggunaan bahasa Mandarin.

Dari aspek linguistik pula, rata-rata responden merasakan bahawa bahasa Mandarin merupakan bahasa yang sukar dipelajari. Secara umumnya, pelajar di UiTM Kelantan didedahkan dengan sistem pembelajaran bahasa Mandarin berasaskan sistem *hanyu pinyin* iaitu sebutan tulisan Cina menggunakan huruf Rumi dan juga tulisan Cina ataupun *hanzi*. Walau bagaimanapun sistem *hanyu pinyin* lebih ditekankan memandangkan kesemua pelajar adalah dari kalangan kaum Melayu yang merupakan penutur bukan natif yang tidak mempunyai kebiasaan dalam tulisan dan sebutan bahasa Mandarin. Oleh itu, memandangkan mereka bukan dari kalangan penutur natif, masalah tulisan dan sebutan dalam bahasa Mandarin sememangnya tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun masalah ini dapat dikurangkan dengan teknik mengajar yang lebih baik, seperti membuat perbandingan antara bahasa Mandarin dengan bahasa Melayu misalnya dari aspek sebutan dan makna. Pada masa yang sama, kaedah-kaedah pengajaran yang terkini juga perlulah diaplikasikan supaya dapat menarik perhatian dan minat pelajar mempelajari bahasa Mandarin termasuklah penggunaan teknologi dan media masa terkini seperti aplikasi dari *smartphone*, *Whatsapp*, *Facebook* dan sebagainya. Selain itu, kelemahan dan kekurangan keyakinan untuk bertutur dalam bahasa Mandarin juga dapat dielakkan dengan latihan dalam bentuk komunikasi lisan seperti melalui perbualan dan interaksi dengan masyarakat Cina setempat.

Seterusnya, dapatan kajian ini juga turut menggambarkan persepsi dan pemikiran responden sebagai generasi muda Malaysia. Pelajar-pelajar di UiTM Kelantan dilihat masih lagi menunjukkan minat untuk menguasai bahasa yang lain selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kebanyakan mereka berpendapat penguasaan dua bahasa sahaja adalah tidak mencukupi dalam dunia global masa kini. Bagi mereka, penguasaan dalam bahasa Mandarin sebagai bahasa asing, bukan sahaja dapat meningkatkan penguasaan bahasa yang baru, malah mereka turut mendapat pengetahuan dan cara pemikiran yang baru. Paling penting, penguasaan bahasa Mandarin ini juga dapat memberikan manfaat kepada mereka apabila berhubung dengan masyarakat luar dan semasa di alam pekerjaan nanti yang secara tidak langsung juga dapat meningkatkan status sosial mereka dalam kalangan masyarakat.

Seterusnya, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa responden cenderung untuk memandang tinggi budaya dan masyarakat Cina. Hal ini kerana masyarakat Cina dan negara China dilihat sebagai sebuah tamadun yang telah berkembang pesat hingga ke hari ini. Imej yang dibawa oleh masyarakat Cina juga melambangkan kekuatan dan kegigihan mereka berkembang maju sejak dari era penjajahan lagi. Semangat juang dan imej yang dibawa oleh mereka itu sememangnya dapat dihormati serta dicontohi oleh masyarakat lain. Persepsi yang positif terhadap masyarakat Cina serta negara China boleh dikaitkan dengan konsep stereotaip etnobudaya atau *ethnocultural stereotypes* yang merujuk kepada satu tanggapan imej-imej stereotaip mengenai bahasa, budaya dan identiti etnik terhadap sesuatu negara (Hieda & Maserah 2012). Sebagai contoh, imej masyarakat Cina dan negara China yang dipandang tinggi oleh masyarakat Malaysia ini berkait rapat dengan kuasa ekonomi negara China kini yang dilihat semakin memainkan peranan penting dalam ekonomi global masa kini selain daripada persepsi yang mengatakan bahawa orang Cina pandai dalam selok belok dan dunia perniagaan.

Faktor tersebut dikuatkan lagi dengan budaya popular Cina seperti filem, drama dan lagu yang sememangnya telah lama meresap masuk dan menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat di Malaysia. Hal ini seiring dengan keadaan masyarakat majmuk di Malaysia yang mana masyarakat Cina merupakan masyarakat kedua terbesar di Malaysia. Oleh itu, tidak hairanlah pelbagai warisan budaya masyarakat Cina juga telah tersebar di negara ini. Walaupun sejak beberapa tahun kebelakangan ini fenomena *Korean Wave* (Gelombang Korea) atau demam *Hallyu* semakin berkembang melalui penyebaran budaya pop Korea Selatan atau K-pop seperti lagu, drama dan filem yang begitu giat dijalankan (Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad, 2010) sehingga agak menenggelamkan pengaruh budaya popular Cina, namun kursus bahasa Mandarin khususnya di UiTM Kelantan masih mendapat sambutan dan masih menjadi antara kursus elektif yang popular di kalangan para pelajar. Oleh itu, boleh dirumuskan bahawa responden turut mempunyai stereotaip etnobudaya yang positif terhadap negara China dan masyarakat Cina.

KESIMPULAN

Kajian ini telah mengenalpasti sikap pelajar UiTM di Kelantan dan signifikasinya terhadap pembelajaran bahasa Mandarin. Latar belakang dan pengalaman responden yang terlibat dalam kajian ini menjadi faktor penting yang membentuk sikap positif terhadap pembelajaran bahasa Mandarin. Sikap yang positif ini juga dilihat telah dibentuk sejak zaman kanak-kanak lagi seiring dengan keadaan persekitaran semasa yang dilalui. Responden yang bersikap

positif terhadap bahasa Mandarin dilihat lebih bermotivasi dalam mempelajari dan menguasai bahasa Mandarin. Seiring dengan peningkatan minat terhadap pembelajaran bahasa Mandarin di Malaysia pada masa kini, diharap pelbagai program seperti program-program kebudayaan juga dapat dijalankan bagi meningkatkan lagi pengetahuan terhadap budaya dan masyarakat Cina umumnya dan minat terhadap Bahasa Mandarin khususnya. Selain itu, perkembangan bahasa Mandarin di Malaysia haruslah sentiasa dipertingkatkan dan diperkembangkan pada masa hadapan. Masyarakat Malaysia yang sebahagian besarnya terdiri daripada kaum Melayu dan Cina juga diharap dapat bersama-sama berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam pelbagai bidang, untuk maju bersama-sama ke arah hubungan yang lebih harmoni dan kehidupan yang lebih baik. Seterusnya, dapatan kajian ini diharap dapat memberi input dan sumbangan dalam bidang kajian linguistik serta boleh diperkembangkan dan dipertingkatkan lagi di masa hadapan.

RUJUKAN

- Azlina Mohd Sera'ai & Rozita Che Omar. (2013). *Orientasi pelajar Universiti Putra Malaysia dalam pembelajaran Bahasa Sepanyol*. Retrieved from https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00006356_72124.pdf
- Azman Che Mat. (2013). *Sikap pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab di IPTA*. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/282905573_SIKAP_PELAJAR_TERHADAP_PEMBELAJARAN_BAHASA_ARAB_DI_IPTA
- Azman Che Mat, & Goh Y. S. (2010). Situasi pembelajaran bahasa asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education*, 2(2), 9- 21. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/ajtlhe/article/view/10494/3479>
- Gardner, R. C. (2001). Language learning motivation: The student, the teacher, and the researcher. *Texas Papers in Foreign Language Education* 6(1): 1-18.
- Gardner, R. C., & Lambert, W. E. (1972). *Attitudes and motivation in second language learning*. Rowley, Mass: Newbury House Publishers, Inc.
- Goh, Y. S., & Ng, A. (2004) The Bumiputra students' attitude in learning Mandarin at UiTM Campus Terengganu, Malaysia. Kertas kerja untuk CSSR (Conference on Science and Social Science Research), 19-21 May, 2004, di Kuching, Sarawak, Malaysia dan pembentangan poster di The International Colloquium on Language, Attitudes and Education in Multilingual Cities, May 27 hingga May 28, 2004, Brussels, Belgium.
- Hieda, N, & Maserah Shabudin. (2012). Sikap dan persepsi terhadap pembelajaran Bahasa Jepun di kalangan mahasiswa UKM, *Jurnal Linguistik*, Jilid 16, 88-103. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/265326366_Sikap_dan_Persepsi_terhadap_Pembelajaran_bahasa_Jepun_di_kalangan_Mahasiswa_UKM

- Lau, S. K. (2012). Pengajaran Bahasa Cina dalam menggalakkan interaksi pelajar berbilang kaum. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(3), 979-997. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/295912086_Pengajaran_dan_pembelajaran_bahasa_Cina_dalam_menggalakkan_interaksi_pelajar_berbilang_kaum
- Mao, H., & Fukuda, M. (2010). A comparison on learning motivation between major Japanese learners in China and major Chinese learners in Japan. *Language and Culture* 23: 209-232.
- Muhammad Alif Redzuan. (2005). Sikap pelajar Cina terhadap pembelajaran Bahasa Jepun di Universiti Putera Malaysia. Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Neustupny, J.V., & Miyazato, S. (2002). *Gengo kenkyuu no houhou*. Tokyo: Kuroasio.
- Nor Hashimah Jalaluddin, & Zaharani Ahmad. (2011). Hallyu di Malaysia: Kajian sosiobudaya. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication* 27(2): 203-219. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/15089/4695>
- Norlida Razali. (2015). Foreign students' common problems in writing Chinese characters. *International Journal of East Asian Studies*, 4(1), 63-78. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/IJEAS/issue/view/769/Volume%204%20%281%29>
- Sakuragi, T. (2006). The relationship between attitudes towards language study and cross-cultural attitudes. *International Journal of Intercultural Relations* 30: 19-31.
- Siti Saniah Abu Bakar, & Subramaniam, S. (2012). *Pengaruh motivasi instrumental dan integratif dalam pemilihan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan penutur asing*. 2(2) 54-61. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/5720/1/54-61%2520Saniah%2520et%2520al.UPSI.pdf>
- Teh, H. S. (2015). *Bab 1: Pengenalan*. Retrieved from http://studentsrepo.um.edu.my/5521/3/BAB_1.pdf.
- Yamato, E., Roslina Mamat & Sanimah Hussin. (2010). Hubungan antara penggunaan budaya popular dan pembelajaran bahasa: Kajian kes pelajar Bahasa Jepun di Universiti Putra Malaysia. Dalam Lim Choon Bee, Mohd Azidan Abdul Jabar & Lim Sep Neo (pnyt.). *Pengajian bahasa asing di Malaysia*, hlm. 137-153. Serdang: UPM Press.